

Mahathir hargai khidmat polis kepada masyarakat

KUALA LUMPUR, Rabu — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata penekanan Polis Diraja Malaysia (PDRM) terhadap soal disiplin dalam tema sambutan Hari Polis tahun ini membuktikan keazaman pasukan itu untuk membuktikan perkhidmatan lebih baik kepada masyarakat.

Sehubungan itu, katanya, semua pegawai dan anggota polis perlu terus berusaha mengekalkan prestasi dan kecemerlangan dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing.

Dalam perutusannya sempena sambutan Hari Polis ke-184, yang bertemakan *Berdisiplin Di Bawah Panji Pasukan*, Perdana Menteri berkata disiplin adalah teras perkhidmatan polis.

Katanya, pasukan polis banyak memberi sumbangan ke arah mewujudkan keamanan dan ketenteraman negara.

Beliau mengucapkan tahniah kepada semua pegawai dan anggota polis dan berharap mereka akan melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka dengan sempurna.

Perdana Menteri juga berharap anggota polis akan bekerja lebih bersemangat dan gigih di bawah kibaran bendera polis yang baru dengan pengertiannya tersendiri itu.

Bendera itu akan dikibarkan buat kali pertamanya pada 15 Mac, selepas diserahkan oleh Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah kepada Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohd Haniff Omar.

Dalam perutusan yang sama, Tan Sri Mohd Haniff berkata, pemilihan tema tahun ini memperlihatkan keazaman pasukan untuk terus mempertingkatkan disiplin.

Katanya, usaha itu perlu bagi melahirkan barisan pegawai dan anggota polis yang lebih bermutu dan mampu menyumbangkan perkhidmatan kepolisan yang lebih cekap, profesional dan berwibawa kepada masyarakat dan negara.

Sehubungan itu, menurutnya, masyarakat akan terus memartapkan hubungan dan persefahaman yang dibina untuk memudahkan lagi pihak polis menjalankan tugas, terutama membasmi jenayah, memelihara kestabilan masyarakat dan menumpaskan anasir yang bertujuan menjejaskan keselamatan negara.